



Teks Ucapan

**PROF. DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN RAKAN
BORNEENSIS UMS 2017**

**19 MAC 2017 | 1.00 PETANG
TAPAK PERKHEMAHAN, LEMBAH EX-SITU
INSTITUT BIOLOGI TROPIKA DAN PEMULIHARAAN**

**Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera,
Salam EcoCampus dan Salam Negaraku
Malaysia**

1. Pegawai-pegawai Utama Universiti
2. Ketua-ketua Jabatan
3. Para peserta Program Rakan BORNEENSIS
4. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Izinkan saya menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka Program Rakan BORNEENSIS UMS 2017 telah berlangsung dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh ahli jawatankuasa penganjur program yang diketuai oleh Prof. Dr. Charles S. Vairappan, Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan. Tidak lupa juga tahniah diucapkan kepada semua 28 peserta daripada SM All Saints, SM St. Michael, SMK Tebobon yang terlibat.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian

Penganjuran Program Rakan BORNEENSIS pada tahun ini merupakan penganjuran kali ketiga yang melibatkan seramai 28 pelajar sekolah. Sejak dimulakan pada tahun 2015, jumlah keseluruhan penyertaan ialah seramai 88 pelajar. Secara umumnya, UMS menerusi Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan sentiasa memberi ruang dan peluang kepada para pelajar sekolah menengah di negeri Sabah untuk mempelajari dan mendalami tentang alam semula jadi.

Ceramah tentang kepelbagaian serangga, burung, mamalia, tumbuhan serta aktiviti pendidikan alam sekitar yang lain amat bermanfaat terutamanya kepada pelajar yang meminati bidang sains dan alam sekitar.

Saya percaya, semua pelajar yang ada di sini telah mendapat pengalaman serta ilmu yang berharga sepanjang aktiviti ini berlangsung.

Seperti yang kita sedia maklum, negeri Sabah sememangnya sudah terkenal sebagai *biodiversity hotspot* utama di dunia. Hutan-hutan yang terdapat di Sabah merupakan habitat bagi kebanyakan spesies tumbuhan dan haiwan termasuk burung, reptilia, ikan dan mamalia yang jarang ditemui seperti beruang madu, badak Sumatera, gajah pigmi, Orang Utan dan monyet Proboscis.

Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan sebagai salah sebuah pusat kecemerlangan UMS memikul tanggungjawab untuk menyerlahkan kemantapan penyelidikan dalam bidang pemuliharaan biodiversiti dan juga keberkesanan dalam pendidikan alam sekitar untuk masyarakat setempat dan antarabangsa yang menjadikannya sebagai pusat rujukan biodiversiti terrestrial dan ekosistem air tawar, khususnya untuk Borneo.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian

BORNEENSIS merujuk kepada Pusat Koleksi Rujukan bagi flora dan fauna di Borneo. Salah satu objektif pembentukan BORNEENSIS ialah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai warisan alam semula jadi di kepulauan Borneo. Justeru, program Rakan BORNEENSIS UMS ini telah dirancang untuk mempromosikan pendidikan alam sekitar di Sabah.

Program ini boleh dijadikan platform untuk memberi pendedahan kepada para pelajar akan kepentingan flora dan fauna dalam perkhidmatan ekosistem. Program ini juga diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran para pelajar terhadap kepentingan pemuliharaan alam semula jadi ke arah persekitaran yang lestari. Para pelajar boleh berinteraksi dan memupuk kerjasama dalam satu pasukan walaupun mereka dari pelbagai sekolah yang berlainan.

Pendekatan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan dengan mengadakan program Rakan Borneensis ini merupakan langkah berkesan untuk memupuk minat mempelajari dan memahami pendidikan alam sekitar dengan menggunakan koleksi spesimen biodiversiti. Golongan muda seperti pelajar sekolah dapat diberikan motivasi dan melibatkan diri dalam pemuliharaan alam semula jadi dan penyelidikan pada masa yang akan datang.

Kami sadar, penerapan pendidikan alam sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan wadah penting dalam merealisasikan kewujudan satu masyarakat yang mesra alam. Untuk makluman semua, kampus UMS juga menuju status universiti EcoCampus sepenuhnya dengan memastikan agar semua aktiviti di UMS ini mesra alam dan berkonsepkan pendekatan "Hijau".

Justeru, saya ingin menyarankan kepada anak-anak yang telah menghadiri Program Rakan Borneensis ini untuk berkongsi pengalaman anda dengan rakan rakan lain di sekolah agar mesej “Mesra Alam” ini dapat dikongsi bersama untuk kelestarian alam sekitar di Sabah.

Hadirin hadirat sekalian

Saya juga sangat berterima kasih dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah kerana memberi sokongan yang padu kepada Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan dalam menjayakan program yang diadakan buat tahun ketiga ini. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan penaja program iaitu Japanese International Cooperation Agency – Sustainable Development for Biodiversity and Ecosystem Conservation (JICA-SDBEC) dan South East Asia Rainforest Research Program (SEARRP).

Semoga dengan kerjasama erat ini, program Rakan BORNEENSIS UMS dapat diteruskan untuk tahun yang akan datang. Justeru, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim,**

saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan **Program Rakan BORNEENSIS UMS 2017.**

Sekian.

Wabillahitaufiq Walhidayah Assalamualaikum
Warahmatullah Hiwabarakatuh.